Headline	SMRA Repah terima set peralatan hoki sumbangan TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Apr 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	43
ArticleSize	296 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,712		

WAN ISHAK SOED (dua dari kanan) menyerahkan replika tajaan bernilai RM5,000 untuk set kelengkapan hoki kepada Sharifah Intan Syed Aziz dalam majlis Penyerahan Sumbangan Set Kelengkapan Hoki untuk Pasukan Hoki Wanita di Sekolah Menengah Rendah Agama Repah, Tampin, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

SMRA Repah terima set peralatan hoki sumbangan TNB

TAMPIN 23 April - Pasukan hoki wanita Sekolah Menengah Rendah Agama (SMRA) Repah dekat Tampin menerima set kelengkapan hoki bernilai RM5,000 sumbangan syarikat utiliti kebangsaan, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Majlis penyerahan peralatan hoki itu disempurnakan oleh Pengurus Besar TNB Negeri Sembilan, Wan Ishak Soed kepada pasukan hoki sekolah tersebut yang disaksikan oleh Pengetua SMRA Repah, Sharifah Intan Syed Aziz.

Pasukan hoki yang diberi nama Smart Eagles ditubuhkan empat tahun lalu dan menunjukkan prestasi membanggakan dengan memenangi beberapa perlawanan di peringkat daerah Tampin.

Wan Ishak berkata, sumbangan set peralatan hoki itu dilakukan melalui program tanggung jawab sosial korporat TNB dan SMRA Repah adalah satu-satunya sekolah yang terpilih untuk Ne-geri Sembilan bagi tahun ini.

"Diharapkan dengan penerimaan set lengkap peralatan hoki ini dapat membantu pasukan Smart Eagles mengharungi perlawanan dengan semangat yang tinggi dan memenuhi cita-cita mereka untuk menjadi pasukan yang digeruni," katanya.

Powered by: iSENTIA